



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/7 JLD.4(15)

Tarikh : **6** November 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA  
HINDU**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, mulai tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3. Peraturan ini telah dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR 5.3.6. Cuti Tanpa Rekod ini

terpakai kepada semua negeri di Malaysia kecuali Sarawak, mengambil kira Hari Deepavali bukan merupakan Hari Kelepasan Am di Sarawak.

4. Sebagaimana dimaklumi, peruntukan Cuti Tanpa Rekod adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja dan tidak boleh dibawa ke hari berikutnya sekiranya Cuti Tanpa Rekod tersebut jatuh pada Hari Kelepasan Am atau Hari Kelepasan Mingguan. Namun begitu, Kerajaan pada 3 November 2023 telah bersetuju untuk memberi pengecualian bagi tahun 2023 di mana Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali yang jatuh pada 13 November 2023 (Isnin) akan dibawa pada 14 November 2023 (Selasa) bagi negeri-negeri yang Hari Kelepasan Mingguannya adalah hari Ahad.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SERI DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)**